

**PEPENDANG AIR**  
Great Cormorant

FAMILI: Phalacrocoracidea  
NAMA SAINTIFIK: *Phalacrocorax carbo*

**CIRI-CIRI**

Individu jantan dewasa sub-spesies *P.c.sinensis*, di luar musim membiak, ianya bersaiz besar dengan paruh yang lebih besar berbanding spesies Pependang yang lain. Bahagian kepala, leher dan bawah badan berwarna kehitaman dengan terdapat warna putih di bawah bahagian kepala dan tekak atas, bahagian atas sayap berwarna coklat dan sayap dengan hujungnya berwarna hitam. Semasa terbang, selain dari saiznya yang agak besar, ia juga menunjukkan leher yang tebal, sayap yang luas dan ekor yang pendek. Pada musim membiak, wujud jaluran putih merentasi bahagian atas kepala dan leher, warna di bahagian muka adalah oren, tompokan berwarna putih yang lebih besar di bahagian telinga dan tekak, bahagian skapular dan sayap berwarna hijau berkilat. Bagi burung juvenil pula, bahagian atas badan adalah lebih coklat berbanding burung dewasa di luar musim membiak, bahagian tepi kepala dan bawah badan hampir keseluruhannya berwarna putih, dengan jalur-jalur coklat gelap di bahagian depan atas kepala dan atas dada. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 80-100 sm.

**MAKANAN**

Diet bagi spesies ini terdiri daripada ikan.

**HABITAT**

Spesies ini menghuni pelbagai jenis kawasan tanah bencah di kedua-dua air tawar dan air masin, spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,830 m dari aras laut.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini ialah di antara bulan September hingga bulan Februari pada setiap tahun. Sarang adalah besar dan cawan yang dalam, dan sarang adalah pada bahagian pokok. Burung betina boleh menghasilkan 3-6 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna hijau kebiruan pudar. anggaran saiz telur adalah 60.6 x 39.3 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.